

<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon AFFIN Education Financing-i. Sila pastikan anda juga membaca terma dalam Borang Permohonan, Surat Tawaran bersama-sama dengan Terma dan Syarat Standard. Anda boleh mendapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am).</p>	<p><b>VERSI BAHASA MALAYSIA</b></p> <p>Bank : Affin Islamic Bank Berhad</p> <p>Produk : AFFIN Education Financing-i</p> <p>Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan :</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p>	
<p>AFFIN Education Financing-i ialah Pembiayaan kewangan tambahan kepada pelajar yang layak dari Universiti / Kolej yang dipilih oleh pihak Bank untuk melanjutkan pengajian dalam Program Asasi, Pra-Universiti, Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Program Pasca-Siswazah (Ijazah Sarjana &amp; Doktor Falsafah) dan kursus profesional. Kursus yang ditawarkan adalah tertakluk pada kelulusan pihak Bank.</p>	
<p><b>2. Apakah konsep syariah yang digunakan?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ AFFIN Education Financing-i adalah berdasarkan konsep Ijarah usufruk (Sewaan).</li> <li>▪ <i>Ijarah</i> merujuk kepada kontrak yang memindah hak milik usufruk yang dipersetujui dan/atau servis dalam sesuatu tempoh dengan pertukaran sesuatu perkara.</li> <li>▪ Kontrak Ijarah yang dijalankan untuk aset di sini merujuk kepada "program kursus" sebagai servis / manfaat yang diberikan oleh pemilik sewaan untuk diberikan kepada penyewa (pelajar) mengikut tempoh masa yang dipersetujui.</li> </ul>	
<p><b>3. Apakah Kadar Asas (KA)?</b></p>	
<p>Kadar Asas (KA) kami untuk pembiayaan runcit kadar terapung terdiri daripada dua bahagian, tanda aras Kos Dana (COF) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Tanda aras COF kami mencerminkan kos penjanaan dana baharu dan ia berdasarkan kombinasi Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan dan kos pembiayaan Deposit Tetap.</p>	
<p><b>4. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan dalam KA?</b></p>	
<p>KA boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan dalam polisi kewangan seperti Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan juga faktor-faktor lain seperti perubahan dalam keadaan pendanaan.</p>	
<p><b>5. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu sejak 3 tahun lepas:</b></p>	
<p>Sila rujuk <a href="http://www.affinislamic.com.my">www.affinislamic.com.my</a> untuk data sejarah terkini. (Pergi ke Pautan Pantas &gt; Kadar &gt; Penanda Aras Kos Dana yang Digunakan untuk Menentukan Kadar Asas)</p>	

## 6. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Yuran Program Kursus	: RM100,000.00
Jumlah Pembiayaan	: RM90,000.00
Margin Pembiayaan	: 90%
Tempoh	: 15 tahun
Ujrah	: KA + 4.00% p.a. = Kadar Efektif 7.95% setahun
Sewa Bulanan	: RM857.49

Jumlah anda perlu bayar ialah **RM154,348.20\***

**\*Nota: Jumlah bayaran mungkin berbeza mengikut perubahan Kadar Asas (KA). Efektif 10 Mei 2019, Kadar Asas ialah 3.95% p.a.**

## 7. Apakah ciri-ciri produk ini?

Ciri-ciri produk ini adalah seperti berikut:

<b>Kelayakan</b>	<p>(i) Pelajar (Pemohon utama)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara Malaysia</li> <li>• Umur antara 18 tahun hingga 45 tahun</li> <li>• Dibuka untuk pelajar sepenuh masa dan separuh masa, ambilan baru atau pelajar semasa</li> <li>• Untuk pelajar separuh masa, permohonan akan diterima, dengan atau tanpa pemohon bersama. Pelajar separuh masa perlu mempunyai pekerjaan.</li> <li>• Dibuka kepada semua Program Asasi, Sijil, Pra-Universiti (e.g. A-Level), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Program Pasca-Siswazah (Ijazah Sarjana &amp; Doktor Falsafah) dan kursus profesional untuk pelajar di Universiti / Kolej yang dilantik</li> </ul> <p>(ii) Ibu Bapa/Pasangan/Adik-beradik/Penjaga (Pemohon Bersama)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Warganegara Malaysia</li> <li>• Umur antara 21 tahun dan ke atas</li> <li>• Pendapatan tahunan minimum RM24,000.00</li> <li>• Produk ini memerlukan pemohon bersama untuk sama-sama memohon dengan pelajar atas tujuan pencegahan risiko</li> </ul> <p>DSR / keupayaan pembayaran akan dinilai terhadap pemohon bersama mengikut Manual Arahan Kredit Kepenggunaan.</p>		
<b>Ujrah (Kadar Untung)</b>	<b>Dijamin Sepenuhnya</b>	<b>Dijamin Sebahagian</b>	<b>Tiada Cagaran/ Pembiayaan Bersih</b>
	Dijamin sepenuhnya dengan TD-i. (Jumlah TD-i lebih daripada 50% dan sehingga 100%)	Dijamin sebahagian dengan TD-i. (Perlindungan cagaran sehingga 50%)	Tiada Cagaran
	BR + 2.51%	BR + 2.86%	BR + 4.00%

Nota: Efektif 10 Mei 2019, Kadar Asas (KA) ialah 3.95% p.a.

<b>Tempoh</b>	<p>Minima : 5 tahun  Maksima : 15 tahun  *Nota: Tempoh ini berdasarkan umur pelajar sehingga 15 tahun</p>
<b>Jumlah Pembiayaan</b>	<p>Jumlah minima pembiayaan: RM5,000  Jumlah maksima pembiayaan: RM400,000  Nota:  Jumlah pembiayaan adalah berdasarkan Yuran Kursus pengajian yang ditawarkan oleh Universiti / Kolej</p>
<b>Kadar Siling</b>	10.00% p.a.
<b>Margin Pembiayaan</b>	<p>Sehingga 90% daripada Yuran Kursus Pengajian ATAU sehingga baki jumlah yang tidak ditaja oleh pihak ketiga (iaitu PTPTN/MARA), mana yang lebih rendah, tambah 5% Takaful Tempoh Berkurangan*</p> <p>*Terpakai sekiranya Takaful Tempoh Berkurangan dibiayai oleh Bank  ** Sebarang jumlah lebihan yang dibayar oleh Bank atau Pelanggan kepada penyedia Takaful akan dikreditkan kembali untuk mengurangkan jumlah asas pinjaman.</p>
<b>Permulaan Bayaran Sewa Bulanan</b>	<p>(i) Pelanggan perlu membayar Ujrah bulanan semasa tempoh penangguhan. Kemudian untuk memulakan pembayaran sewa bulanan selepas tamat tempoh penangguhan.</p> <p>(ii) Sebarang penamatan pelajar daripada program atas apa-apa sebab akan menyebabkan sewa bulanan bermula segera selepas mendapat notifikasi dari Universiti / Kolej.</p>
<b>Terma dan Syarat Lain</b>	<p>(i) Pembayaran dibuat terus kepada Universiti pada dasar berkala (per semester).</p> <p>(ii) Universiti perlu memberitahu Bank segera ke atas penamatan pelajar daripada Program</p>

## 8. Apakah kewajipan saya?

Semasa tempoh pembiayaan dibayar (per semester), Pelanggan hanya perlu membayar Ujrah terhadap amaun yang dibayar pada tempoh tersebut

Pelanggan perlu membayar jumlah sewa penuh apabila tamatnya tempoh tangguhan kemudahan tersebut.

Contoh:

Yuran Program Kursus	: RM100,000.00
Jumlah Pembiayaan	: RM90,000.00
Margin Pembiayaan	: 90%
Tempoh	: 15 tahun
Ujrah	: KA + 4.00% p.a. = Kadar Efektif 7.95% setahun
Sewa Bulanan	: RM857.49

Jumlah anda perlu bayar ialah **RM154,348.20\***

KA yang tertera di Lembaran Pendedahan Produk ini tertakluk pada sebarang perubahan.

\*Penting: Sewa bulanan dan jumlah bayaran anda akan berbeza sekiranya Kadar Asas berubah.

Kadar	KA=3.95%	Jika KA meningkat 1%	Jika KA meningkat 2%
Sewa bulanan (RM)	857.49	910.16	964.39
Jumlah keuntungan pada akhir tempoh 30 tahun (RM)	64,348.20	73,828.80	83,590.20
Jumlah keseluruhan pembayaran pada akhir tempoh 30 tahun (RM)	154,348.20	163,828.80	173,590.20

Pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

\*Nota: Jumlah bayaran mungkin berbeza mengikut perubahan Kadar Asas (KA). Efektif 10 Mei 2019, Kadar Asas ialah 3.95% p.a.

### 9. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis Yuran / Caj	Butiran Yuran / Caj
Duti Setem	Seperti Akta Setem 1949 (Disemak 1989)
Yuran mendapatkan Sekuriti Dokumen (bagi setiap permintaan – set lengkap Sekuriti dokumen)	RM30.00
Penyata Pembiayaan Tambahan (bagi setiap permintaan)	RM10.00

**Nota:**

- i. Anda akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan atau tambahan dalam yuran/ caj bagi kemudahan pembiayaan anda.
- ii. Seperti terma dan syarat lain yang terkandung di dalam Surat Tawaran.

### 10. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

- Jika anda menghadapi masalah untuk melaksanakan kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran. Kelewatan untuk berbuat demikian mungkin menyebabkan anda menghadapi perkara berikut:
  - i. Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda untuk menyelesaikan baki belum jelas dalam kemudahan pembiayaan ini,
  - ii. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak terhadap notis-notis peringatan. Harta anda mungkin disita dan anda terpaksa menanggung semua kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kekurangan bayaran selepas harta anda dijual.
  - iii. Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda yang boleh menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau lebih mahal bagi anda.
- Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank caj pembayaran lewat melalui *Ta'widh* (ganti rugi) seperti berikut:
 

Sebelum tarikh matang kemudahan tersebut

Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh;

$$= \frac{\text{Ansuran tertunggak} \times 1\% \times \text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

Selepas tarikh matang kemudahan tersebut

Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalaman Kadar Pasaran Wang antara bank Islam (IIMM) pada baki belum jelas i.e. Harga Jualan tertunggak ditolak *ibra* '(jika ada);

$$= \text{Baki belum jelas} \times \text{kadar semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Ia akan bermula dari tarikh pembayaran pertama kali dimungkiri pada tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.
- Pampasan pada kadar yang disebut terdahulu akan dibayar oleh anda selepas dan sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- Walau apa pun jumlah caj pembayaran lewat yang dikenakan, ia diakui dengan jelas dan bersetuju bahawa amaun caj pembayaran lewat tersebut tidak akan dikompaun lagi.
- Sila rujuk kepada kewajipan anda yang disebut di dalam Surat Tawaran Bank.

#### 11. Sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Pihak Bank tidak mengenakan tempoh tertutup untuk kemudahan ini dan juga tidak mengenakan yuran sekiranya anda ingin membuat penjelasan awal sebelum tempoh matang. Anda membeli Kursus Pengajian dari Pihak Bank pada Harga Laksana.

Formula Harga Laksana:

$$\text{Formula Harga Laksana} = \text{Baki Pokok} + \text{Ujrah terakru dan belum dibayar} + \text{kos anggaran berpatutan} + \text{perbelanjaan pemilikan ( sekiranya ada) ditanggung oleh Bank}$$

Nota:

- Ujrah terakru dikira pada Kadar Ujrah Efektif daripada baki pokok yang digunakan.

#### 12. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.

#### 13. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?

- Takaful Tempoh Berkurangan (RTT) adalah diwajibkan di mana anda boleh memperoleh perlindungan tersebut daripada panel pengendali Takaful Bank.
- Sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal, Takaful akan membayar semua jumlah tunggakan pembiayaan anda dengan Bank. Ini akan meringankan beban pembayaran pada waris atau keluarga terdekat anda.
- Nota: Pihak Bank boleh memberi sebutharga untuk sebarang takaful perlindungan wajib yang ditawarkan oleh panel Takaful pihak Bank. Walaubagaimanapun, anda juga bebas memilih perkhidmatan Takaful dari syarikat Takaful yang lain.

#### 14. Apakah risiko utama?

- Kadar Ujrah bagi pembiayaan ini adalah tidak tetap dan disandarkan kepada Kadar Asas (KA) yang mungkin berubah dari semasa ke semasa. Kenaikan dalam kadar Ujrah mungkin mengakibatkan sewa bulanan yang lebih tinggi namun ditetapkan pada kadar Ujrah siling 10.00% p.a./ tempoh pembiayaan dilanjutkan.

#### 15. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

- Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Selaras dengan dasar/ garis panduan AFFIN Islamic Bank dan dokumen sekuriti piawai, sebarang perubahan pada butir-butir peribadi perlulah dalam bentuk bertulis yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pelanggan dan dialamatkan kepada Affin Islamic Bank Berhad.

#### 16. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.

**AFFIN BANK BERHAD**

Consumer Loan Supervision & Asset Management

Tingkat 2 dan 9, Menara Serba Dinamik

No. P3.4, Persiaran Perbandaran

Section 14, 40000 Shah Alam

Selangor

Tel: 03-82302828

Fax: 03-55110453/ 03-55110454 (Tingkat 2) & 03-55110457 (Tingkat 9)

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, sila hubungi:

**AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD**

Customer Care and Quality

Tingkat 17, Menara Affin

80, Jalan Raja Chulan

50200 Kuala Lumpur Tel : 03-20559000

Fax : 03-20261104

Emel : [yourvoice@affinbank.com.my](mailto:yourvoice@affinbank.com.my)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall**

**1001, Jalan Sultan Ismail,**

**50250 Kuala Lumpur.**

**Tel : 03-26167766**

**Emel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**Block D, Bank Negara Malaysia**

Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465  
Fax : 03-21741515

Emel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**17. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat lanjut, sila lawati cawangan AFFIN ISLAMIC / AFFINBANK berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami 03-8230 2222 atau layari laman web kami di [www.affinislamic.com.my](http://www.affinislamic.com.my) / [www.affinonline.com](http://www.affinonline.com)

**18. Pakej pembiayaan lain yang disediakan**

- AFFIN Pembiayaan Peribadi-i

**NOTA PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA**

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah daripada 26 September 2019